

30/07/2004

Malaysia janji terus anjur LID

By Mutazar Abd Ghani; Johari Ibrahim; Zainab Yatim

LANGKAWI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia komited untuk terus menganjurkan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) sebagai medan perkongsian pintar bagi negara peserta mencapai kejayaan lebih gemilang.

Perdana Menteri berkata, langkah itu juga selaras dengan janji yang diberikan ketika beliau mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, akhir tahun lalu.

"Bila Dr Mahathir bersara dan saya ambil alih sebagai Perdana Menteri, saya pegang pada janji bahawa kita akan teruskan LID.

"Saya gembira hari ini kerana ia menjadi kenyataan dan sudah tentu kita mahu lihat sejauh mana ia akan berjaya.

"Kerajaan Malaysia kekal komited untuk menganjurkan dialog LID setiap kali tiba giliran kita untuk menganjurkannya. Kita akan buat apa saja yang kita boleh untuk memastikan dialog ini dapat dianjurkan dengan sebaik mungkin," katanya.

Beliau yang kali pertama mempengerusikan LID berkata demikian pada sesi taklimat pradiialog Global 2004-LID (Global 2004-LID) di sini, semalam.

Hadir sama pada taklimat itu beberapa ketua negara termasuk, Raja Swaziland, Mswati III; Presiden Mozambique, Jaoquim Chissano dan Dr Mahathir.

Abdullah berkata, selepas 10 tahun diadakan, mungkin dialog kali ini boleh membincangkan perkara yang dijangka berlaku pada masa akan datang, termasuk cadangan apa negara peserta perlu buat bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Beliau berkata, kejayaan Global 2004-LID bergantung sepenuhnya kepada penyertaan aktif semua peserta, dengan mengemukakan cadangan dan pandangan bernas.

"Dengan penyertaan aktif semua pihak, kita harap nilai perkongsian pintar akan terus kekal tinggi, sekali gus mencapai kejayaan lebih baik daripada sebelumnya," katanya.

Abdullah turut mengucapkan terima kasih kepada ketua negara yang sudi menerima undangan beliau untuk menghadiri Global 2004-LID.

"Saya jemput ramai pemimpin dari negara Komanwel dan juga bukan Komanwel. Saya ucap terima kasih kepada semua yang menerima undangan dan datang ke Langkawi, di samping mengharapkan penyertaan aktif dalam dialog ini.

"Walaupun saya pernah sertai dialog LID sebelum ini, tapi ini kali pertama sebagai pengerusi. Jadi saya minta nasihat dan kerjasama mengenai bagaimana untuk kendalikan cara terbaik (dialog) bagi memastikan kita dapat mencapai apa yang dirancang," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan sokongan yang membuat segala persiapan ke arah memastikan kelancaran dan kejayaan dialog ini.

(END)